

12/08/2000

300 penyokong Keadilan berhimpun di Masjid Negara

KUALA LUMPUR, Jumaat - Masjid Negara sekali lagi dicemari apabila lebih 300 orang dipercayai penyokong Parti Keadilan Nasional (Keadilan) mengadakan perhimpunan haram selepas sembahyang Jumaat, hari ini.

Kumpulan terbabit yang turut disertai Ketua Pemuda Keadilan, Mohamed Ezam Mohd Noor dan bekas tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), Abdul Malek Hussin, menjadikan perkarangan Masjid Negara sebagai tempat untuk mengadakan perhimpunan haram.

Dalam perhimpunan kira-kira 30 minit, kumpulan itu melaungkan pelbagai slogan yang mengecam pentadbiran kerajaan dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sebelum bersurai secara aman.

Tindakan kumpulan berkenaan mengadakan perhimpunan haram turut menyebabkan kesesakan teruk apabila pemandu memperlahankan kenderaan ketika melalui Masjid Negara.

Anggota trafik terpaksa dipanggil untuk mengawal lalu lintas terutama di bulatan berhampiran Masjid Negara.

Kali terakhir Masjid Negara digunakan sebagai tempat penyokong Keadilan mengadakan perhimpunan haram ialah pada April lalu. Dalam perhimpunan haram yang diadakan sempena memperingati setahun Datuk Seri Anwar Ibrahim dipenjarakan, lebih 1,000 penyokong Keadilan menyertainya.

Perhimpunan itu yang pada mulanya diadakan secara aman bertukar menjadi kecoh apabila segelintir penyokong Keadilan membaling pelbagai objek ke arah anggota polis.

Berikutan itu, anggota polis terpaksa melepaskan gas pemedih mata untuk menyuraikan perhimpunan itu.

(END)